



11 JUL, 2021

## MAFI Prihatin serah bantuan kepada 64,023 penerima

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 1 of 2



AHMAD HAMZAH (dua dari kiri) melawat ke Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di Johor Bahru semalam.

# MAFI Prihatin serah bantuan kepada 64,023 penerima

**JOHOR BAHRU** – Program MAFI Prihatin yang dijalankan oleh jabatan dan agensi dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menyampaikan bantuan hasil komoditi pertanian dan industri makanan kepada 64,023 penenerima yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Timbalan Menteri 1 MAFI, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, MAFI Prihatin memberi manfaat kepada 22,774 petugas barisan hadapan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di 89 lokasi di seluruh negara dengan sebanyak 38.61 metrik tan hasil pertanian dan produk industri makanan yang telah disalurkan.

"Seramai 436 usahawan tani telah dibantu dalam memasarkan 51 jenis hasilan pertanian dan produk mereka yang mengalami kesukaran dalam menjalankan aktiviti pemasaran semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan

(PKP) penuh.

"Turut menerima manfaat daripada program MAFI Prihatin ini ialah pertumbuhan kebajikan di seluruh negeri. Pada hari ini (semalam) 300 penerima terdiri daripada petugas dan penghuni Pertubuhan Kebajikan Anak-anak Yatim Johor dan beberapa lagi rumah kebajikan," katanya kepada pembeza selepas membuat penyerahan sumbangan di sini.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin berupa komoditi pertanian seperti buah pisang berangan, rambutan, nanas Jospine, timun, sayur-sayuran berdaun serta barang rungit sebanyak 800 kilogram disampaikan oleh Ahmad kepada Pengurus Pertubuhan Kebajikan Anak-Anak Yatim Johor, Ahmad Abu Bakar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Zainal Abidin Yang Razalli.



11 JUL, 2021

## MAFI Prihatin serah bantuan kepada 64,023 penerima

Kosmo Ahad, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

AHMAD HAMZAH (dua dari kiri) melawat ke Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di Johor Bahru semalam.

JOHOR BAHRU - Program MAFI Prihatin yang dijalankan oleh j a b a t a n dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah menyampaikan bant u a n hasil komoditi pertanian dan industri makanan kepada 64,023 penerima yang terkesan akibat pandemik Covid-19.